

# **PENIPUAN PEKERJAAN DI LUAR NEGARA DI MEDIA SOSIAL**

*(EMPLOYMENT SCAMS ABROAD ON SOCIAL MEDIA)*

Nurul Safika Erizal  
Ahmad Fahmi Mahamood  
Habee Bullah Affandy  
Tengku Kastriafuddin Tengku Yakob  
Zuraidi Ahmad Mokhzar  
Luqhman Hakim Dahlan Tabah

**Universiti Malaysia Perlis**

Zainab Ahmad

**Institut Perguruan Kampus Perlis**

fahmiputra2@gmail.com

**Abstrak :** *Kajian ini mengenai penipuan pekerjaan luar negara di media sosial. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif, di mana pengkaji akan menghuraikan data kajian secara deskriptif. Sehubungan dengan itu, seramai 366 orang responden telah terlibat yang terdiri daripada pelbagai kaum. Hasil kajian ini mendapati terdapat pelbagai faktor yang mendorong masyarakat untuk terpedaya dengan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial. Platform media sosial seperti Whatsapp, Facebook Instagram menjadi platform pilihan utama dalam kalangan masyarakat kerana mereka tahu mengendalikan penggunaan medium tersebut. Selain itu, penipuan pekerjaan luar negara juga dapat mendatangkan kesan kepada masyarakat seperti penyebaran berita palsu. Statistik deskriptif bilangan kekerapan dan peratusan digunakan untuk menguji hipotesis. Keputusan korelasi pertama menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor yang mendorong masyarakat terpedaya dengan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial dengan tahap kesedaran masyarakat mengenai penipuan pekerjaan luar negara di media sosial. Keputusan korelasi yang kedua juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kesan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial dengan tahap kesedaran masyarakat mengenai penipuan pekerjaan luar negara di media sosial.*

**Kata kunci:** *Penipuan pekerjaan, Jenayah dalam talian*

2024 JGBSE

Article Received : 12 June 2024, Revised : 19 June 2024, Accepted : 22 August 2024

**Abstract :** *This study is about overseas job scams on social media. This study uses a quantitative method, where the researcher will describe the study data descriptively. In connection with that, a total of 366 respondents have been involved, consisting of various races. The results of this study found that there are various factors that encourage people to be deceived by overseas job scams on social media. Social media platforms such as Whatsapp, Facebook and Instagram are the main platform of choice among the community because they know how to handle the use of the medium. In addition, overseas employment fraud can also have an impact on society such as the spread of fake news. Descriptive statistics of frequency numbers and percentages were used to test the hypothesis. The results of the first correlation show that there is a significant relationship between the factors that encourage people to be deceived by overseas job scams on social media and the level of community awareness about overseas job scams on social media. The second correlation results also show that there is a significant relationship between the effect of overseas job scams on social media and the level of community awareness about overseas job scams on social media.*

**Keywords:** *Job scams, Online scams*

## 1.1 PENDAHULUAN

Penggunaan internet sangat penting pada era globalisasi kerana ianya telah mempercepat proses pertukaran informasi dan memperkuat ketersambungan antaranegara dan masyarakat di seluruh dunia. Internet telah membolehkan orang ramai untuk berkomunikasi dan mengurus niaga dengan mudah. Selain itu ianya juga telah memudahkan perdagangan elektronik, e-pembelajaran dan e-dagang. Dengan adanya internet juga orang ramai dapat mengakses kepada pelbagai jenis maklumat, berita dan pendapat daripada sumber di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, terdapat juga cabaran dalam penggunaan internet seperti perlindungan data privasi serta penyebaran maklumat palsu dan jenayah siber. Pada tahun 2020, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah menyatakan bahawa Malaysia telah mencatat peningkatan jumlah penggunaan internet. Pengguna internet pada tahun 2020 adalah sebanyak 88.7% berbanding dengan penggunaan internet pada tahun 2018 sebanyak 87.4%. Peningkatan penggunaan internet di Malaysia meningkat sebanyak 1.3% dari tahun 2018 ke tahun 2020. Ini menunjukkan kesesuaian di dalam kesan dan tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara di media sosial. Kesedaran dan kesan saling mempengaruhi satu sama lain dalam satu proses interaktif. Peningkatan kesedaran boleh membantu individu memahami kesan yang dialami dengan lebih baik dan merangsang tindakan yang lebih matang dan bertanggungjawab. Sebaliknya, kesan yang dialami individu boleh memberikan peluang untuk pertumbuhan kesedaran dan pemahaman yang lebih mendalam tentang diri dan persekitaran.

## 1.2 PERNYATAAN MASALAH

Penipuan atas talian bukan lagi satu perkara yang asing terutama di era globalisasi ini. Terdapat pelbagai jenis penipuan atas talian yang biasa dilakukan oleh penipu. Antara jenis penipuan atas talian yang sering dilaporkan adalah penipuan e-mel (phishing), penipuan laman web palsu, penipuan cinta (Love Scam), penipuan penggandaan wang dan penipuan pekerjaan. Isu penipuan atas talian ini telah dilaporkan setiap hari di pelbagai media (Afham ramli, 2022). Perkembangan dunia ICT pada masa kini telah menjadikan internet sebagai sebuah platform bagi media sosial. Media sosial telah diguna pakai oleh semua lapisan masyarakat terutamanya golongan belia. Dalam laporan digital *Hotsuiet and we are social*, 2019 telah melaporkan bahawa Malaysia telah mencapai sebanyak 80% penembusan internet (Ismail

Sulaiman, 2019). Purata jam yang telah diluahkan oleh pengguna adalah anggaran 8 jam 5 minit sehari dalam talian. Terdapat banyak laporan yang diterima mengenai penipuan pekerjaan di luar negara di pelbagai negara di seluruh dunia. Ramai orang telah terjebak dan menjadi mangsa sindiket penipuan yang menjanjikan pekerjaan di luar negara ini. Sindiket penipuan ini menjanjikan gaji yang tinggi dan faedah yang besar atau peluang untuk menikmati kehidupan yang lebih baik di luar negara kepada mangsa.

Sindiket penipuan pekerjaan di luar negara kebiasaannya bermula dengan tawaran yang terlalu luar biasa. Sindiket penipuan ini kebiasaannya akan menawarkan mangsa dengan gaji yang tinggi serta tiada pengalaman pekerjaan yang diperlukan untuk memohon. Namun pada akhirnya mangsa kehilangan pekerjaan yang dijanjikan dan lebih parah lagi turut mengalami kerugian wang ringgit. Penipu akan menyamar sebagai majikan yang menawarkan pekerjaan dengan syarat mangsa perlu membayar wang pendahuluan terlebih dahulu. Taktik penipuan yang digunakan oleh golongan *scammer* adalah dengan mengiklankan tawaran pekerjaan online yang mudah dan menarik. Kebanyakan mangsayaang terjerat dengan taktik penipuan seperti ini adalah mereka yang berusia 18 tahun dan hingga awal 20 an. Hal ini kerana, golongan ini merupakan golongan yang masih tiada pekerjaan yang tetap dan stabil. Organisasi dan agensi kerajaan di pelbagai negara telah bekerja keras untuk mencegah penipuan pekerjaan asing dan memberi bantuan kepada mangsa yang telah terperangkap dalam sindiket tersebut. Kempen pencegahan dan pendidikan mengenai tanda-tanda penipuan pekerjaan di luar negara, serta nasihat dan bimbingan kepada mereka yang mencari pekerjaan di luar negara turut dijalankan. Bagaimanapun, di sebalik pelbagai usaha untuk mencegah penipuan pekerjaan di luar negara, sindiket penipuan terus beroperasi dan mengejar bakal mangsa mereka

Sehingga September 2022 sebanyak 349 kes rakyat Malaysia yang terjerat penipuan pekerjaan dilaporkan. Daripada jumlah yang telah dicatatkan tersebut seramai 171 orang rakyat Malaysia telah berjaya diselamatkan dan dibawa pulang. Manakala 90 orang lagi masih dalam proses untuk di bawa pulang ke tanah air dan 88 orang yang masih lagi sedang dikesan. Proses menyelamatkan dan membawa pulang rakyat Malaysia ke tanah air adalah dengan kerjasama negara-negara yang terlibat seperti Kemboja, Myanmar, Laos dan Thailand. Sindiket penipuan ini amat membimbangkan kerana mangsa-mangsa penipuan terutamanya mereka yang telah pergi ke negara yang dijanjikan pekerjaan ini mendapat layanan yang tidak baik. Mereka dipaksa untuk melakukan pekerjaan-pekerjaan haram oleh sindiket penipuan tersebut. Sekiranya mereka enggan atau ingkar, mereka akan didera, tidak mendapat upah atau diugut dengan menggunakan senjata api. Sebagai contoh, dalam laporan yang disediakan oleh Malaysia Kini pada 15 September 2022, Goi Zhen Feng yang merupakan warganegara Malaysia dipercayai telah menjadi mangsa sindiket penipuan pekerjaan di Myanmar. Goi Zhen Feng bagaimanapun telah disahkan meninggal dunia pada 11 Mei 2022. Mangsa dipercayai telah didera oleh sindiket penipuan pekerjaan tersebut sebelum dihantar ke hospital dengan menggunakan pasport dan identiti palsu. Oleh itu, di sini timbulnya persoalan mengenai tanggapan masyarakat tentang penipuan pekerjaan di luar negara yang membabitkan rakyat Malaysia terutamanya golongan belia. Hal ini kerana, penipuan yang melibatkan warganegara Malaysia mengenai pekerjaan di luar negara kini semakin serius. Adalah sangat penting untuk sentiasa berwaspada sekiranya hendak menerima sebarang tawaran kerja di luar negara.

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong masyarakat untuk terpedaya dengan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial.
- ii. Mengenalpasti tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara di media sosial.
- iii. Mengenalpasti kesan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial terhadap masyarakat.
- iv. Mengenalpasti hubungan antara faktor-faktor yang mendorong masyarakat untuk terpedaya dengan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial dengan tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara di media sosial.
- v. Mengenalpasti hubungan antara kesan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial terhadap masyarakat dengan tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara di media sosial.

### 1.4 PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah faktor-faktor yang mendorong masyarakat untuk terpedaya dengan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial?
- ii. Apakah tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara di media sosial?
- vi. Apakah kesan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial terhadap masyarakat?
- iii. Apakah hubungan antara faktor-faktor yang mendorong masyarakat untuk terpedaya dengan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial dengan tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara di media sosial?
- vi. Apakah hubungan antara kesan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial terhadap masyarakat dengan tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara di media sosial?

### 1.5 HIPOTESIS KAJIAN

H<sub>1</sub> - Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor yang mendorong masyarakat untuk terpedaya dengan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial dengan tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara di media sosial.

H<sub>2</sub> - Terdapat hubungan yang signifikan antara kesan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial terhadap masyarakat dengan tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara di media sosial

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat persepsi dan kesedaran masyarakat mengenai penipuan pekerjaan di luar negara yang diiklankan an di media sosial. Kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui kesan daripada penipuan pekerjaan luar negara. Oleh itu, dengan adanya kajian seperti ini diharap dapat mengelakkan perkara sebegini daripada terus terjadi. Selain itu, kajian ini juga dilihat sebagai usaha untuk menambah jumlah penyelidikan yang sedia ada dalam bidang yang berkaitan. Penyelidikan seperti ini diharap dapat membantu menerangkan perkembangan terkini mengenai kesedaran tentang sindiket penipuan pekerjaan luar negara kepada masyarakat. Kepentingan kajian ini juga adalah kajian ini turut dapat memberi sumbangan kepada para penyelidik sebagai bahan rujukan pada masa akan datang. Hasil daripada dapatan kajian sepatutnya dapat membantu para penyelidik yang ingin membuat kajian yang berkaitan dengan persepsi masyarakat dan kesan penipuan pekerjaan luar negara.

## 2.0 . SOROTAN LITERATUR

### 2.1 JENAYAH SIBER DI MEDIA SOSIAL

Dalam era globalisasi kini, kemunculan internet sebagai salah sebuah alat komunikasi telah menyebabkan maklumat, ideologi dan propaganda dapat tersebar secara mudah dan pantas ke seluruh dunia. Hal ini kerana, internet tidak mempunyai sempadan masa dan geografi. Penggunaan internet secara meluas turut dapat membuka peluang untuk berlakunya ancaman keselamatan seperti ancaman siber. Jenayah siber merupakan satu masalah yang paling digeruni dalam dunia siber. Jenayah siber di media sosial dapat dirujuk sebagai suatu bentuk tindakan kejahatan atau aktiviti yang melibatkan penggunaan teknologi digital untuk menyebarkan mesej atau maklumat yang salah, memburukkan seseorang, menggodam atau sebagainya. Jenayah siber di media sosial biasanya dilakukan dengan tujuan mempromosikan agenda tertentu, merugikan seseorang atau organisasi atau memperoleh manfaat sendiri. Jenayah siber ini bermula sebelum kewujudan Microsoft Windows, Internet atau komputer peribadi (Thomas,2006). Malaysia berada pada kedudukan ke 17 denganrisiko tertinggi jangkitan virus komputer.Bernama (2021) melaporkan bahawa Mohd Anwer Mohamed Yusoff yang merupakan Ketua Pembangunan Perniagaan Cybersecurity Malaysia berkata bahawa dalam tempoh lima tahun yang lepas Malaysia telah mencatatkan kerugian sebanyak kira-kira Rm2.75 billion akibat dari jenayah siber. Jenayah siber di media sosial merupakan ancaman yang serius bagi individu danorganisasi. Oleh itu, pengguna media sosial perlu berhati-hati dan mengambil langkah berjaga-jaga untuk melindungi diri mereka daripada jenayah siber.

## **2.2 PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL**

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan peningkatan penggunaan media sosial di seluruh dunia. Hal ini kerana, orang ramai terpaksa bekerja belajar dan berinteraksi secara virtual. Oleh itu, media sosial menjadi semakin penting sebagai medium komunikasi dan interaksi sosial. Penggunaan internet dalam kehidupan masyarakat Malaysia telah direkodkan sebanyak 28 juta pengguna media sosial atau sebanyak 86 peratus penduduk negara ini. Media sosial merupakan sebuah platform penyebaran maklumat kepada orang ramai. Beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab, mengambil kesempatan di atas peningkatan penggunaan media sosial ini untuk menipu dan menyebarkan perkara palsu kepada orang ramai. Menurut laporan dari survey Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Pengguna 2020, penggunaan internet dalam kalangan rakyat Malaysia yang berumur 15 tahun ke atas telah meningkat kepada 89.6 peratus berbanding 84.2 peratus pada tahun 2019 menjadikan jumlah peningkatan tersebut sebanyak 5.4 peratus (Utusan, 2021). Pengguna media sosial majoriti nya terdiri daripada golongan belia remaja. Golongan ini menjadi sasaran mudah bagi sindiket penipuan atas talian.

## **2.3 MEMAHAMI JENAYAH SIBER**

Jenayah siber adalah sebuah perbuatan yang dilakukan sama ada oleh individu atau kumpulan secara sengaja atau tidak sengaja bagi memperoleh maklumat dengan cara yang salah dan tidak sah atau mensabotaj peranti komputer, telefon pintar dan peralatan lain yang berkaitan dengan perisian dan rangkaian internet (Sarida Fuad, 2022). Maklumat yang digunakan kebiasaannya akan digunakan oleh individu atau kumpulan yang tidak bertanggungjawab untuk memeras ugut, atau menipu pemilik data. Peningkatan jenayah siber yang membimbangkan pada masa kini dikaitkan dengan peningkatan penggunaan internet serta kebergantungan masyarakat kepada teknologi pada masa kini yang akhirnya menyebabkan data peribadi mudah untuk terdedah. Ketidakbatasan penggunaan internet di seluruh dunia telah menjadikan jenayah siber sebagai jenayah yang tidak mempunyai tempoh had masa dan sempadan. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan risiko pendedahan data peribadi dan keselamatan. Sindiket penipuan atau jenayah siber ini sering menggunakan identiti palsu dan media sosial sebagai strategi komunikasi mereka untuk menjerat dan memperdayakan mangsa. Apabila mangsa sudah terpedaya, mangsa dengan mudah akan memberikan apa yang pihak sindiket mahukan (Sinar Harian, 2013). Oleh itu, komunikasi terancang merupakan suatu perkara yang penting dalam mempengaruhi sikap dan tingkah laku mangsa (Khadija Alwi & Maizatul Haizan, 2021).

## **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

### **3.1 REKA BENTUK KAJIAN**

Reka bentuk kajian adalah sebuah pelan tindakan yang dapat memperlihatkan bagaimana sesebuah kajian dijalankan dengan lebih terperinci (Sabitha, 2006). Ianya dapat membimbing pengkaji untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan yang berhubung dengan tujuan kajian dijalankan. Reka bentuk kajian disediakan bertujuan untuk mencari jawapan kepada persoalan kajian (Kerlinger, 1973).

Kajian yang dijalankan ini merupakan sebuah kajian kuantitatif yang menggunakan pendekatan yang berbentuk tinjauan. Menurut John W. Creswell (2003), kajian kuantitatif merupakan satu jenis penyelidikan di mana, apa yang hendak dikaji, soalan-soalan khusus yang akan ditanya, mengecilkan skop soalan dan mengumpul data daripada responden adalah diputuskan oleh pengkaji. Bagi mengumpul data daripada responden pengkaji telah menggunakan borang soal selidik. Bagi tujuan menganalisis data pula pengkaji menggunakan SPSS versi 23.

Ujian statistik secara deskriptif adalah dalam bentuk kekerapan (frequency), min (mean), medium dan juga peratusan. Selain itu, ujian inferensi iaitu korelasi juga digunakan bagi pengujian hipotesis bagi kajian ini.

### **3.2 POPULASI KAJIAN**

Populasi dapat didefinisikan sebagai sebuah kumpulan sasaran yang ditetapkan oleh pengkaji iaitu kepada siapa hasil kajian akan digeneralisasikan (Gay & Airasian, 2003). Populasi merupakan kumpulan yang lebih besar dan akan memperoleh manfaat daripada kajian saintifik. Pengkaji akan mengenal terlebih dahulu skop dan sampel yang ingin dikaji untuk menjalankan kajian iaitu masyarakat di negeri-negeri utara Malaysia.

Negeri Perlis mempunyai tiga parlimen iaitu Padang Besar, Kangar dan Arau. Tiap parlimen masing-masing mempunyai lima Dewan Undangan Negeri (DUN) yang tersendiri. Parlimen Padang Besar terdiri daripada DUN Titi Tinggi, Beseri, Chuping, Mata Ayer dan Santan. Parlimen Kangar pula mempunyai DUN Bintong, Sena, Indera Kayangan, Kuala Perlis dan Kayang. Manakala DUN bagi parlimen Arau pula adalah Pauh, Tambun, Guar Sanji, Simpang Empat dan Sanglang. Jumlah populasi penduduk di negeri Perlis adalah seramai 231,693 orang. Oleh itu, bagi memudahkan pengumpulan data, pengkaji akan mengecilkan skop kajian dengan memilih hanya dua DUN bagi setiap parlimen.

### **3.3 PERSAMPELAN**

Kaedah persampelan merupakan sebuah kaedah dimana pengkaji akan mengambil sebahagian pecahan dari suatu populasi sebagai mewakili populasi tersebut (Kerlinger, 1973). Sesebuah benda, institusi, tempat, fenomena dan sebagainya boleh dijadikan sebagai sampel kajian. Penentuan saiz sampel yang akan digunakan dalam kajian ini ada merujuk pada jadual penentuan saiz sampel yang telah disediakan oleh Krejcie & Morgan (1970). Jadual Krejcie & Morgan ditunjukkan pada Jadual 1.0 .

Merujuk kepada jadual saiz sampel Krejcie & Morgan (1970), sampel yang akan digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini adalah sebanyak 384 orang responden. Sampel kajian ini dipilih secara rawak dalam kalangan masyarakat di negeri Perlis yang melibatkan tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) yang berlainan. Penggunaan sampel memberi manfaat kepada kajian yang dilakukan, antaranya adalah dapat menjimatkan masa, tenaga dan perbelanjaan bagi penyelidikan yang dijalankan.

### **3.4 PENGUMPULAN DATA**

Bagi tujuan pengumpulan data, pengkaji akan menyediakan borang soal selidik untuk diedarkan kepada responden yang dipilih melalui persampelan yang dilakukan. Pengkaji akan menerangkan kepada responden cara untuk menjawab soalan dalam borang soal selidik tersebut. Ianya adalah untuk membantu responden memahami soalan dan apa yang perlu dilakukan supaya tidak berlaku kesilapan. Pengkaji turut memungut borang soal selidik tersebut pada hari yang sama semasa pengedaran. Pengedaran borang soal selidik kepada ke semua responden mengambil masa dua minggu.

### 3.5 ANALISIS DATA

Bagi tujuan analisis data pengkaji menggunakan analisis deskriptif. Ianya melibatkan min, peratusan, kekerapan dan sisihan piawai. Sementara itu, analisis inferensi digunakan untuk menghuraikan hubungan antara pembolehubah kajian dan mengaitkannya dengan ciri-ciri sampel populasi kajian. Oleh itu, pengkaji menggunakan ujian korelasi bagi mendapat hasil daripada analisis inferensi. Selain itu, Pengkaji menganalisis data kajian tersebut menggunakan perisian *Statistical Package Social Science* (SPSS).

### 4.0 Hasil Kajian

#### 4.1 Jantina

Jantina	f	%
Lelaki	232	63.4
Perempuan	134	36.6
Jumlah	366	100

Jadual 4.1 : Jantina (n=366)

Jadual 4.1 mendapati bahawa jumlah responden yang terlibat adalah seramai 366 orang. Daripada jumlah tersebut pembahagian responden berdasarkan jantina menunjukkan seramai 232 orang (63.4%) adalah masyarakat dalam kalangan lelaki manakala 134 orang (36.6%) lagi adalah masyarakat dalam kalangan perempuan.

#### 4.2 Bangsa

Bangsa	F	%
Melayu	268	73.2
Cina	54	14.8
India	42	11.5
Lain-lain	2	0.5
Jumlah	366	100

Jadual 4.2 : Bangsa (n=366)



Jadual 4.2 menunjukkan majoriti responden terdiri daripada bangsa Melayu iaitu seramai 268 orang responden (73.2%). bangsa yang selebihnya terdiri daripada bangsa cina seramai 54 orang responden (14.8%), manakala india seramai 42 orang responden (11.5%) dan lain-lain seramai 2 orang responden (0.5%).

#### 4.3 Umur

Umur	f	%
18 tahun - 20 tahun	137	37.4
21 tahun - 25 tahun	162	44.3
26 tahun dan ke atas	67	18.3
<b>Jumlah</b>	<b>366</b>	<b>100</b>

Jadual 4.3 : Umur (n=366)

Jadual 4.3 menunjukkan analisis responden terhadap tahap umur responden. Responden yang berumur 18 tahun hingga 20 tahun adalah seramai 137 orang responden (37.4%). Seterusnya, responden yang berumur 21 tahun hingga 25 tahun adalah seramai 162 orang responden (44.3%). Responden yang berumur 26 tahun dan ke atas pula adalah seramai 67 orang responden (18.3%).

#### 4.4 Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	f	%
SPM	133	36.3
Sijil/Matrikulasi/Diploma	101	27.6
Ijazah Sarjana Muda	81	22.1
Ijazah Sarjana	41	11.2
Doktor Falsafah	9	2.5
UPSR	1	0.3
<b>Jumlah</b>	<b>366</b>	<b>100</b>

Jadual 4.4 : Tahap Pendidikan (n=366)

Jadual 4.4 menunjukkan tahap pendidikan bagi 366 orang responden. Seramai 133 orang responden mempunyai tahap pendidikan sehingga SPM (36.3%). Responden yang mempunyai tahap pendidikan sehingga Sijil/Matrikulasi/Diploma adalah seramai 101 orang responden bersamaan dengan 27.6%. Selain itu, jadual 4.4 juga menunjukkan seramai 81 orang responden (22.1%) mempunyai tahap pendidikan Ijazah Sarjana Muda.

Seramai 41 orang responden (11.2%) mempunyai tahap pendidikan sehingga Ijazah Sarjana dan 9 orang responden (2.5%) mempunyai tahap pendidikan sehingga Doktor Falsafah. Hanya seorang sahaja responden yang mempunyai tahap pendidikan sehingga UPSR (0.3%).

#### 4.5 Jenis Media Sosial

Jenis Media Sosial	f	%
Facebook	40	11
Tiktok	100	27.3
Twitter	50	13.7
Instagram	50	13.7
Whatsapp	68	18.5
Youtube	58	15.8
Jumlah	366	100

Jadual 4.5: Jenis Media Sosial (n=366)

Jadual 4.5 menunjukkan jenis-jenis media sosial yang sering digunakan oleh masyarakat di Perlis. Hasil daripada kajian menunjukkan sebanyak 40 orang responden (11%) menggunakan Facebook. Manakala pengguna Tiktok pula adalah sebanyak 100 orang responden (27.3%) , Twitter dan Instagram kedua-duanya mempunyai jumlah responden yang sama iaitu sebanyak 50 orang responden (13.7%). Selain itu, jumlah responden yang menggunakan Whatsapp adalah sebanyak 68 orang responden (15.8%) dan Youtube adalah sebanyak 58 orang responden (15.8%).

#### 4.6 Kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara di media sosial

Terdapat lima pernyataan yang diukur dalam tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara di media sosial seperti jadual 4.8 yang berikut.

Pernyataan	Min	SD
Pengetahuan penggunaan internet adalah penting dalam mengendalikan media sosial.	4.71	0.656
Pengetahuan mengenai media sosial adalah penting sebelum memulakan pencarian pekerjaan atas talian.	4.47	0.771

Tidak semua iklan pekerjaan di media sosial adalah benar.	4.48	0.775
Tawaran pekerjaan luar negara di media sosial tidak masuk akal.	4.38	0.873
Sebelum menerima pekerjaan semakan kesahihan tawaran kerja di luar negara adalah penting.	4.67	0.616
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>3.929</b>	<b>0.990</b>

Jadual 4.6 : Tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara di media sosial. (n=366)

Jadual 4.6 menunjukkan analisis tentang tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara di media sosial. Sehubungan itu, dapatan kajian menunjukkan keseluruhan min keseluruhan adalah sebanyak 3.929 dan 0.990 bagisisihan piawai. Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan min tertinggi adalah 4.71 dan sisihan piawai 0.656 bagi pernyataan “ pengetahuan penggunaan internet adalah penting dalam mengendalikan media sosial.

Selain itu, pada pernyataan “Sebelum menerima pekerjaan semakan kesahihan tawaran kerja di luar negara adalah penting” mempunyai nilai min kedua tertinggi di dalam kajian iaitu pada nilai 4.67 dan nilai sisihan piawai adalah pada nilai 0.616. Diikuti dengan pernyataan “Tidak semua iklan pekerjaan di media sosial adalah benar.” yang mencatatkan nilai min ketiga tertinggi dalam kajian ini iaitu 4.48 dan sisihan piawai 0.775. pernyataan “Pengetahuan mengenai media sosial adalah penting sebelum memulakan pencarian pekerjaan atas talian.” mencatatkan nilai min 4.47 dan 0.771 bagi sisihan piawai. pernyataan yang mencatatkan nilai min terendah dalam kajian ini adalah pernyataan “Tawaran pekerjaan luar negara di media sosial tidak masuk akal.” iaitu nilai min 4.38 dan sisihan piawai 0.837.

Berdasarkan hasil dapatan kajian daripada tahap kesedaran masyarakat juga didapati bahawa majoriti responden bersetuju dengan pengetahuan internet adalah penting dalam mengendalikan media sosial dengan min sebanyak 4.71 dan 0.656 bagi nilai sisihan piawai. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) melaporkan sejumlah 5513 aduan berunsur penipuan diterima antara tahun 2020 hingga Mei 2022. Sehubungan itu, pengguna yang menggunakan internet sememangnya harus mempunyai kemahiran dalam mengendalikan media sosial agar tidak menjadi mangsa penipuan pekerja luar negara di media sosial. Justeru , ia mempunyai kaitan dengan pengaruh persekitaran yang diterima sama ada secara langsung ataupun tanpa disedari oleh sesetengah pihak. Oleh itu, kesedaran boleh diukur berdasarkan pengetahuan dan pendedahan maklumat yang diterima daripada pelbagai aspek. Namun begitu, tahap kesedaran mengenai penipuan pekerjaan luar negara di media sosial adalah agak rendah. Berikutan permasalahan tersebut pelbagai usaha perlu ditingkatkan dalam meningkatkan tahap kesedaran masyarakat mengenai penipuan pekerjaan luar negara di media sosial.

#### 4.7 Analisis faktor-faktor yang mempengaruhi berlakunya penipuan pekerjaan luar negara di media sosial.

Terdapat empat pernyataan yang diukur dalam faktor-faktor yang mempengaruhi berlakunya penipuan pekerjaan luar negara di media sosial seperti Jadual 4.7 yang berikut.

Pernyataan	Min	SD
Kurang maklumat dalam penggunaan teknologi dengan selamat.	4.39	0.840
Keinginan mangsa untuk menjadi kaya melalui jalan pintas	4.47	0.775
Desakan hidup yang serba kekurangan	4.45	0.809
Tawaran gaji yang diberikan sangat menarik perhatian	4.62	0.624
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>4.01</b>	<b>0.959</b>

Jadual 4.7 : Faktor-faktor yang mempengaruhi berlakunya penipuan pekerjaan luar negara di media sosial. (n=366)

Jadual 4.7 menunjukkan analisis terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi berlakunya penipuan pekerjaan luar negara di media sosial. Dalam dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan min keseluruhan sebanyak 4.01 dan 0.959 bagi nilai sisihan piawai. pernyataan yang mencatatkan nilai min tertinggi adalah pernyataan “tawaran gaji yang diberikan sangat menarik perhatian” iaitu 4.62 bagi nilai min dan 0.624 bagi nilai sisihan piawai. Berdasarkan data yang diperoleh pernyataan “keinginan mangsa untuk menjadi kaya melalui jalan pintas” menunjukkan nilai min kedua tertinggi iaitu 4.47 dan 0.775 bagi sisihan piawai. Di samping itu, “desakan hidup yang serba kekurangan” menunjukkan nilai min ketiga tertinggi dalam kajian ini iaitu 4.45 dan 0.809 bagi nilai sisihan piawai. Sementara itu, data yang telah diperoleh menunjukkan nilai min terendah daripada “kurang maklumat dalam penggunaan teknologi dengan selamat” iaitu 4.39 dan 0.840 bagi nilai sisihan piawai. Terdapat beberapa faktor yang mendorong masyarakat untuk terpedaya dengan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial. Di antara faktor yang utama adalah tawaran gaji yang diberikan sangat menarik. Banyak orang yang mencari pekerjaan yang menawarkan gaji yang menarik dan kehidupan yang lebih baik. Sindiket penipuan sering memanfaatkan keinginan ini dengan menawarkan pekerjaan palsu yang menjanjikan gaji yang sangat tinggi tanpa syarat atau kualifikasi yang wajar. Orang yang terlalu terpicat oleh janji gaji yang tinggi dapat mengabaikan tanda-tanda penipuan yang mungkin ada.

Oleh itu, ianya penting untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang risiko penipuan pekerjaan luar negara yang terdapat di media sosial. Antara perkara yang dapat diberikan pendedahan kepada masyarakat adalah tentang proses pengambilan yang sah, pemeriksaan latar belakang syarikat dan pengetahuan mengenai tanda-tanda penipuan. Perkara berikut dapat membantu mengurangi jumlah orang yang terjerat dalam perangkap penipuan pekerjaan tersebut.

#### 4.8 Analisis kesan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial terhadap masyarakat.

Terdapat empat pernyataan yang diukur dalam kesan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial terhadap masyarakat seperti jadual 4.8 yang berikut.

Pernyataan	Min	SD
Menanggung kerugian yang tidak dijangka	4.53	0.720
Sukar untuk membezakan maklumat yang sahih dan tidak	4.45	0.759
Penyalahgunaan data masyarakat.	4.47	0.768
Penyebaran berita palsu berleluasa.	4.63	0.692
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>4.09</b>	<b>0.910</b>

Jadual 4.8: Kesan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial terhadap masyarakat. (n=366)

Jadual 4.8 menunjukkan analisis mengenai kesan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial terhadap masyarakat. Sehubungan dengan itu, pengkaji membuat analisis mengikut pada kekerapan, peratusan, sisihan piawai dan min bagi mengukur keputusan ini. Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan sebanyak 4.09 dan 0.910 bagi nilai sisihan piawai. Seterusnya pernyataan bagi “Penyebaran berita palsu berleluasa” mempunyai nilai min yang paling tinggi 4.63 dan sisihan piawai 0.692. Seterusnya, dapatan kajian yang menunjukkan nilai min kedua tertinggi iaitu 4.53 dan 0.720 bagi nilai sisihan piawai adalah pernyataan “Menanggung kerugian yang tidak dijangka”. Selain itu, pada pernyataan “penyalahgunaan data masyarakat” pula mencatatkan nilai min ketiga tertinggi iaitu 4.47 dan 0.768 bagi sisihan piawai. Justeru, min terendah yang diperoleh daripada dapatan kajian ini adalah pada pernyataan “sukar untuk membezakan maklumat yang sahih dan tidak” iaitu 4.45 dan 0.759 bagi sisihan piawai.

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan juga terdapat beberapa kesan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial terhadap masyarakat. Di antara kesan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial terhadap masyarakat adalah penyebaran berita palsu yang berleluasa. Penipuan pekerjaan yang melibatkan penyebaran berita palsu biasanya memiliki tujuan untuk menarik calon korban dengan menawarkan kesempatan kerja yang menarik, namun sebenarnya tidak ada posisi pekerjaan yang nyata. Mereka akan menggunakan berbagai cara, termasuk membuat laman web palsu, mengirimkan email palsu, atau menggunakan iklan palsu untuk menarik perhatian calon korban. Penting bagi masyarakat untuk selalu berhati-hati terhadap informasi yang mereka terima, terutama yang berkait dengan penawaran pekerjaan yang menarik. Melakukan penelitian dan verifikasi yang cermat sebelum mempercayai atau membagikan berita adalah langkah yang penting untuk melindungi diri dari penipuan yang melibatkan penyebaran berita palsu.

#### 4.9 Pengujian Hipotesis

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor yang mendorong masyarakat untuk terpedaya dengan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial dengan tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara di media sosial.

		Kesedaran	Faktor
	Pearson Correlation	1	.612**
<b>Kesedaran</b>	Sig. (2-tailed)		<.001
	N	366	366
	Pearson Correlation	.612**	1
<b>Faktor</b>	Sig. (2-tailed)	<.001	
	N	366	366

\*\* . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

Jadual 4.9 : Ujian Korelasi untuk melihat hubungan antara faktor-faktor dengan tahap kesedaran.

Merujuk kepada jadual 4.9, pengkaji telah menjalankan ujian korelasi untuk melihat hubungan antara faktor-faktor yang mendorong masyarakat untuk terpedaya dengan tahap kesedaran . Hasil pengujian hipotesis pada aras ( $r=.612$ ,  $p=.001$ ). Oleh itu, hipotesis yang telah dibuat adalah diterima kerana hasil korelasi yang dijalankan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor-faktor yang mendorong masyarakat untuk terpedaya dengan tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara di media sosial. Ini menunjukkan kesesuaian di dalam faktor- faktor dan tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara di media sosial. Hal ini turut disokong oleh Norazila (2016), di mana ia menyatakan dengan kemunculan internet dapat mendatangkan kebaikan berbanding kekurangan.

H2 : Terdapat hubungan yang signifikan antara kesan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial terhadap masyarakat dengan tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara di media sosial.

Jadual 4.10 : Ujian Korelasi untuk melihat hubungan antara kesan dengan tahap kesedaran

		Kesedaran	Kesan
	Pearson Correlation	1	.575**
<b>Kesedaran</b>	Sig. (2-tailed)		<.001
	N	366	366
	Pearson Correlation	.575**	1
<b>Kesan</b>	Sig. (2-tailed)	<.001	
	N	366	366

\*\* . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

Jadual 4.10 menunjukkan ujian korelasi untuk melihat perbezaan di antara kesan dan tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara. Sehubungan itu hasil pengujian hipotesis menunjuk pada aras ( $r=.575$ ,  $p=.001$ ). Oleh itu, hipotesis yang telah dibuat adalah diterima kerana hasil korelasi yang dijalankan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara kesan dan tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara. Ini menunjukkan kesesuaian di dalam kesan dan tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara di media sosial. Kesedaran dan kesan saling mempengaruhi satu sama lain dalam satu proses interaktif. Peningkatan kesedaran boleh membantu individu memahami kesan yang dialami dengan lebih baik dan merangsang tindakan yang lebih matang dan bertanggungjawab. Sebaliknya, kesan yang dialami individu boleh memberikan peluang untuk pertumbuhan kesedaran dan pemahaman yang lebih mendalam tentang diri dan persekitaran.

## 5.1 KESIMPULAN

Kecanggihan teknologi maklumat mempengaruhi masyarakat untuk mereka menggunakannya. Majoriti masyarakat menggunakan media sosial dan melayari internet bagi mendapatkan maklumat mengenai kekosongan pekerjaan yang ada di sekitar mereka. Secara keseluruhannya, kajian ini dilakukan bagi mengetahui tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara di media sosial. Kajian ini telah dilakukan ke atas masyarakat di negeri-negeri utara di Malaysia. Hasil kajian ini mendapati bahawa tahap kesedaran masyarakat di negeri-negeri utara di Malaysia masih pada tahap sederhana. Kebanyakan masyarakat yang menjadi responden dalam kajian ini masih mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana berkaitan dengan faktor yang mendorong masyarakat terpedaya dengan penipuan pekerjaan luar negara. Kajian ini telah mencapai objektif yang telah ditetapkan dengan mengenalpasti tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan pekerjaan luar negara di media sosial,

mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong masyarakat untuk terpedaya dengan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial dan mengenalpasti kesan penipuan pekerjaan luar negara di media sosial terhadap masyarakat. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini dapat memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai penipuan pekerjaan luar negara di media sosial. Namun begitu, elemen tahap kesedaran masyarakat perlu diberi perhatian penting kerana ia merupakan tunjang utama kepada masyarakat bagi mengelak daripada menjadi mangsa sindiket penipuan pekerjaan luar negara di media sosial.

## RUJUKAN

- Azwan, N. A. N. (2022) , August 19. 168 mangsa sindiket tipu kerja masih di luar negara, Bukit Aman. *Majoriti.com.my*. <https://majoriti.com.my/berita/2022/08/19/168-mangsa-sindiket-tipu-kerja-masih-di-luar-negarabukit-aman>
- Western Union Malaysia. (2022.). *Jenis Penipuan* <https://www.westernunion.com/my/ms/fraud-awareness/fraud-types.html>
- Noor, M. H. M. (2021, April 12). Covid: Penggunaan internet meningkat. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/04/covid-penggunaan-internet-meningkat>
- Ramli, M. A. (2022). *Ambil tahu kes penipuan dalam talian*. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/181622/suara-sinar/analisis-sinar/ambil-tahu-kes-penipuan-dalam-talian>
- Ramli, M. A. (2023, March 24). *Awat! Kerja palsu di media sosial*. *Sinar Premium*. <https://premium.sinarharian.com.my/article/190087/fokus/laporan-khas-awat-kerja-palsu-di-media-sosial>
- Roy, R. (2018, January 3). *Maksud Jenayah Siber*. [https://www.academia.edu/35567691/Maksud\\_Jenayah\\_Siber](https://www.academia.edu/35567691/Maksud_Jenayah_Siber)
- W. S. (2019). *Tujuh faktor mudah jadi sasaran scammer*. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/18902/scammer>
- Studocu. (2022.). *Jenayah Siber - PENULISAN ARTIKEL - Jenayah Siber: Penipuan Internet (Scam) Berdasarkan Perspektif*. <https://www.studocu.com/my/document/universiti-teknologi-mara/bahasa-melayu-undang-undang-1/jenayah-siber-penulisan-artikel/14778976>
- The Star Online. (2022). *After son's death, dad wants other scam victims saved*. The Star. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/09/22/after-sons-death-dad--other-scam-victims-saved>